



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 14 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MINISTRY ASSURES COUNTRY'S RICE SUPPLY SUFFICIENT, NATIONAL, THE SUN -4 BANJIR: MENTERI KPKM BERI JAMINAN BEKALAN BERAS DALAM PASARAN MENCUKUPI, MEDIA MADANI -ONLINE 7 AGENSI PENGUAT KUASA BAWAH KPKM DIGABUNGAN, NASIONAL, BH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	JPV SIASAT KEMATIAN KOPI, KUALA TERENGGANU, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6. 7. 8.	ANCAMAN IKAN ASING, IKAN ASLI SUNGAI BOLEH PUPUS, MALAYSIA KINI -ONLINE BAUNG EKOR MERAH KIAN BANYAK DI SUNGAI PAHANG, NASIONAL, BH -19 ARAPAIMA GERGASI AKAN DIBEDAH DISIASAT, DIAWET, NASIONAL, SH -13 'HANYA 2 SPESIES IKAN TEMPATAN, SELEBIHNYA IKAN ASING', NASIONAL, SH -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	MARDI BAKAL PERKENAL BENIH PADI TAHAN KEMARAU, TENGGELAM, DALAM NEGERI, UM -6	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
10.	PASTIKAN PENDARATAN IKAN DI TANJUNG BAKO, BUKAN JETI PERSENDIRIAN -LKIM, UTUSAN SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11.	MADA SENTIASA PANTAU PARAS AIR EMPANGAN, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12.	7,000 PESAWAH DI KELANTAN MAHU TERUSKAN TANAM PADI, NASIONAL, BH -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
13. 14.	500 PESAWAH BIMBANG PADI MUSNAH, SUNGAI BESAR, SH -28 500 PESAWAH RESAH BENDANG DILIMPAHI AIR BANJIR, NEGARA, KOSMO -18	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24.	PENDAPATAN PESAWAH DIJANGKA MEROSOT 20%, DALAM NEGERI, UM -6 PGA RAMPAS 41,000kg KELAPA CUBA DISELUDUP KE NEGARA JIRAN, NASIONAL, SH -14 HARGA SAYUR NAIK SEHINGGA 50 PERATUS SEJAK MINGGU LEPAS, NEGARA, KOSMO -18 POLIS RAMPAS 41,000kg KELAPA CUBA DISELUDUP KE NEGARA JIRAN, ASTRO AWANI -ONLINE SIMPAN KELAPA DALAM STOR HARAM SEBELUM SELUDUP KE THAILAND, NASIONAL, BH -19 SOROK KELAPA TEPI SUNGAI GOLOK SEBELUM SELUDUP KE THAILAND, LOKAL, HM -13 CAPAI LEBIH 100 PERATUS!, LOKAL, HM -11 TANAMAN KACANG BULU, K2, KOSMO -19 JANA PENDAPATAN MELALUI TANAMAN KACANG BULU, K2, KOSMO -20 KACANG BULU SUMBER PROTEIN LENGKAP, 9 ASID AMINO, K2, KOSMO -21	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Ministry assures country's rice supply sufficient

PONTIAN: The Agriculture and Food Security Ministry has given an assurance that the rice supply in local markets will not be affected by floods that have impacted approximately 6,000ha of *padi* production areas in Kedah and Perlis.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu said as part of measures to ensure food security, the country has signed agreements with several rice-producing nations, including India and Pakistan, to secure rice imports and maintain a sufficient supply.

"During the prime minister's recent visit to India, we were offered an additional 200,000 tonnes of rice. Pakistan also offered white rice," he said after officiating the Santuni *Madani* programme and groundbreaking ceremony for the Kampung Parit Jerman Agrotourism site on Friday.

In addition to India and Pakistan, Malaysia also imports rice from Thailand and Vietnam.

"We will continue to receive imports from Thailand and Vietnam, though the prices fluctuate with the market. However, we expect the price of imported rice to decrease slightly as our currency strengthens," Mohamad added.

The floods in Kedah and Perlis are expected to cause losses of up to RM40 million for farmers.

Meanwhile, Mohamad highlighted the significant potential of the national pineapple agriculture sector, noting the high export demand for the commodity.

Currently, Malaysia can only supply 800 containers (17,600 tonnes) of pineapples for export, compared with a demand of 4,000 containers (88,000 tonnes), Bernama reported.

"We hope pineapples can achieve the same level of export demand as durians. We need to work hard to boost the pineapple industry."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	MEDIA MADANI	ONLINE	

Banjir: Menteri KPKM beri jaminan bekalan beras dalam pasaran mencukupi



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan memberi jaminan bekalan beras mencukupi bagi memenuhi keperluan meskipun beberapa kawasan penanaman padi di utara Semenanjung terjejas susulan banjir baru-baru ini.

Datuk Seri Mohamad Sabu ditemui selepas menghadiri satu program di Pontian pada semalam berkata, Malaysia telah memeterai

penjanjian dengan beberapa negara pengeluar beras antaranya India dan Pakistan bagi tujuan import untuk memastikan bekalannya adalah mencukupi.

“Baru-baru ini, apabila Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) melawat India, kita ditawarkan tambahan (import) 200,000 tan beras lagi. Pakistan juga tawarkan beras putih,” katanya.

Beliau juga turut memaklumkan Malaysia juga mengimport bekalan beras dari Thailand dan Vietnam.

Mohamad Sabu melalui laporan media akhir bulan lalu memaklumkan, banjir yang melanda kawasan jelapang padi di Kedah dan Perlis menyebabkan kerugian dianggarkan RM40 juta kepada pesawah.

Bagi menangani kemungkinan berlaku kekurangan beras beliau berkata, bagi tempoh jangka pendek, kerajaan akan berusaha meningkatkan infrastruktur tanaman padi di luar kawasan tanaman rancangan bagi membolehkan pengeluaran beras dipertingkat secepat mungkin.

Manakala bagi perancangan jangka panjang, kementerian akan membuka jelapang padi baharu di Sabah dan Sarawak.

14/10/2024

BERITA
HARIAN

NASIONAL

8

Reformasi industri padi dan beras

7 agensi penguat kuasa bawah KPKM digabungkan

Penggabungan
turut bawakan
14 akta berkaitan,
2,030 kakitangan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerangka penggabungan pasukan penguatkuasaan dalam agenda reformasi industri padi dan beras yang menggabungkan tujuh agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan diterajui secara pentadbiran oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak, berkata selain tujuh agensi, ia turut membolehkan penggabungan sebanyak 14 akta berkaitan dan 2,030 kakitangan.

"Namun, KPKM akan membentuk bentuk dan kaedah pembentukan pasukan ini selepas sesi 'lab' (makmal) dan pasukan petugas khas berkaitan, selesai melaksanakan fungsi masing-masing.

"Selain itu, melalui agenda reformasi ini, satu peraturan larangan mencampurkan beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI) akan diperkenalkan oleh KPKM.

"Ia bertujuan bagi menghalang sebarang aktiviti manipulasi ke

atas BPT dan BPI di pelbagai peringkat industri," katanya kepada BH.

Sebelum ini, Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu, mengumumkan reformasi sektor padi dan beras membolehkan penggabungan kuasa, penggabungan penguat kuasa dan peraturan be

Pemantapan tatakelola

Mohamad dilaporkan berkata, langkah pertama agenda itu adalah pemantapan tatakelola, iaitu pelaksanaan kuasa yang akan dilaksanakan segera.

Reformasi turut membolehkan penggabungan kuasa di Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB), dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional (BERNAS).

Pada masa sama, Isham berkata, pemisahan kuasa itu perlu dibuat bagi mengembalikan kekeluasan, keyakinan dan imej industri serta nama baik kerajaan dan industri padi serta beras.

Beliau berkata, pada masa ini hanya seorang pegawai atau individu diberikan tugas melaksakan fungsi sebagai ketua pen

bagian (SUB) PIP ketua pengarah KPB dan wakil Ahli Lembaga Pengarah KPKM merangkap pengarah di dalam BERNAS.

"Ini boleh menimbulkan isu konflik berkepentingan (*conflict of interest*) dan menyukarkan pegawai berkenaan melaksanakan tugas.

"Selain itu, fungsi tiga entiti terbahagi secara bebas juga boleh menimbulkan persepsi negatif masyarakat dan industri. Jadi, penempatan ini perlu dibuat bagi mengembalikan kekeluasan, keyakinan dan imej industri serta nama baik kerajaan dan industri padi serta beras," katanya.

Mengenal tujuan pelaksanaan reformasi ini, Isham berkata, ia penting bagi melancarkan semula industri di landasan sebenar.

Katanya, ini kerana berdasarkan pencapaian semasa, sasaran melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2080 (DAN 2.0) dan in

dustri padi serta beras tidak akan berjaya dicapai disebabkan pelbagai faktor dan kekangan yang dihadapi.

"Oleh sebab itu, reformasi industri padi dan beras yang dilaksanakan oleh KPKM memulakan usaha itu dengan membetulkan dahulu perkerasan asas dalam industri mem

berikan struktur. Ia diperbetulkan sebelum reformasi menyeluhrkan dilaksanakan yang dijangka mengambil masa selama 10 tahun ke hadapan (2026-2035)," katanya.

Beliau berkata, KPKM perlu segera melaksanakan reformasi industri ini bagi meletakkan semula ekosistem industri padi dan beras di landasan yang boleh memberikan keyakinan dan jaminan untuk mencapai hasrat digariskan di bawah DAN 2.0.

Katanya, usaha ini juga penting untuk mengembalikan kepercayaan dan keyakinan pesa

wan serta pemegang taruh lain terhadap kesungguhan kerajaan dan KPKM menguruskan industri dengan cekap dan berkesan.

Ketika ditanya sama ada re

formasi turut membolehkan penambahan infrastruktur perumahan padi, Isham berkata, aspek itu memerlukan komitmen yang besar daripada kerajaan Persekutuan, manakala kerajaan negeri turut berperanan menyokong dan mendukung secara ber

sama.

"Namun, KPKM memahami aspek 'kecekapan' infrastruktur adalah asas kepada produktiviti industri padi dan beras," katanya.

KPKM akan menentukan bentuk dan kaedah pembentukan pasukan ini selepas sesi 'lab' (makmal) dan pasukan petugas khas berkaitan, selesai melaksanakan fungsi masing-masing



Isham Ishak,
Ketua Setiausaha KPKM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	SINAR HARIAN	KUALA TERENGGANU	27

JPV siasat kematian Kopi



Anjing liar yang diberi nama Kopi mula tular pada Mac lalu selepas videonya bermain dengan anak kucing terbiar dimuat naik di TikTok.

KUALA TERENGGANU - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri (JPV) Terengganu menyiasat kes kematian melibatkan seekor anjing liar diberi nama Kopi yang disyaki mati ditembak.

Pengarahnya, Dr Anun Man berkata, pihaknya menerima banyak pertanyaan berhubung video memaparkan kematian anjing tersebut.

Beliau memaklumkan, kes itu sedang disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Orang ramai dinasihatkan tidak membuat sebarang spekulasi sehingga siasatan selesai," katanya pada Ahad.

Sementara itu, Exco Kesihatan, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri,

Wan Sukairi Wan Abdullah menjelaskan, Majlis Daerah Besut (MDB) telah mengambil tindakan mengikut prosedur lapangan ke atas Kopi.

"Berkaitan isu Kopi dibiarkan adalah tidak benar kerana berdasarkan SOP MDB, anjing itu akan ditanam. Bagaimanapun pegawai operasi dihalang oleh pengadu dan bangkai anjing tersebut tidak dapat diambil," katanya.

Jelasnya, pelupusan anjing liar itu dijalankan mengikut prosedur Tatacara Operasi Piawai (TOP) ditetapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan selari dengan peruntukan Seksyen 30, Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Saya meminta agar IADA Barat Laut Selangor menyelenggara mesin pam ini segera selain memohon JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) melaksanakan kerja-kerja pembersihan parit buang bagi mengelakkan aliran air tersekat yang mengakibatkan banjir di kawasan sawah," tambahnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Ancaman ikan asing, ikan asli sungai boleh pupus



Jabatan Perikanan Negeri Sembilan menasihatkan nelayan darat dan orang awam agar tidak melepaskan atau membuang spesies ikan asing terutamanya ikan baung ekor merah ke perairan umum.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri Kasim Tawe berkata tindakan sedemikian akan mengancam ikan asli yang ada di sungai kerana ikan asing tersebut mudah membiak dengan sangat pantas.

Beliau berkata ia akan menjadi ikan pemangsa serta mengganggu keseluruhan rantai makanan selain bersaing untuk ruang serta makanan dengan ikan spesies asli sekiranya dibiarkan di perairan sungai di negeri ini.

"Kita memandang serius mengenai ancaman ikan asing seperti baung ekor merah dan ikan bandaraya kerana ia boleh memusnahkan habitat ikan asli di perairan sungai.

"Hasil pemantauan bersama dengan Komuniti Perikanan Darat dan Nelayan Darat hanya terdapat dua sungai yang ada ikan baung ekor merah iaitu di Sungai Triang, Jelevu dan Sungai Muar, Kampung Londah, Tampin, dan kita berharap tiada ikan ini di sungai lain," katanya kepada Bernama di Seremban hari ini.

Terdahulu Jabatan Perikanan negeri menganjurkan Program Inventori Perikanan Darat dan Buru Ikan Asing, Pulihkan Eko Sistem di Sungai Mambau hari ini.

Beliau berkata program tersebut diadakan susulan aduan diterima daripada penduduk dan nelayan setempat memaklumkan bahawa kekurangan ikan tempatan di sungai.

"Hasil daripada program ini kita hanya menemui dua spesies ikan tempatan di Sungai Mambau, selebihnya ikan asing iaitu ikan bandaraya dan tilapia hitam.

"Tangkapan ikan bandaraya ini akan dilupuskan dengan cara menanam ikan tersebut, manakala ikan tilapia hitam diagikan kepada peserta program yang terlibat," katanya.

Program dua hari itu berhasil menangkap sebanyak 1,094.6 kilogram ikan bandaraya dan ikan tilapia hitam.

- Bernama

Baung ekor merah kian banyak di Sungai Pahang

Kuantan: Ikan baung ekor merah antara ikan asing yang semakin mengancam Sungai Pahang dengan taburan bermula di Pekan menular ke Temerloh, Jerantut dan Lipis.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Pahang, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak, berkata kerajaan negeri memandang serius ancaman ikan baung ekor merah yang semakin bertambah di Sungai Pahang, termasuk beberapa sungai utama lain di negeri ini.

Malah, katanya, menerusi Belanjawan 2024, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM110,000 untuk melaksanakan program kesedaran dan pertandingan memburu ikan asing bagi memberi ke-sedaran masyarakat terhadap usaha menjaga ekosistem sungai.

"Ikan baung ekor merah atau

digelar 'serigala merah' (Hemibarbus wyckioides) dalam kalangan nelayan berasal dari Sungai Mekong, Vietnam.

"Ikan baung ekor merah adalah spesies ikan asing dan pemangsa yang agresif kerana menjadikan semua jenis ikan dan hidupan lain sebagai makanannya," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohd Soffi berkata, kesedaran dalam kalangan nelayan darat dan masyarakat terhadap ancaman ikan asing perlu ada dalam memastikan ekosistem sungai tidak terus terjejas.

Katanya, sokongan masyarakat setempat, termasuk nelayan darat mampu membantu mengawal pembiakan ikan asing, sekali gus mengelak ikan tempatan pupus.

Beliau berkata, Peraturan-Peraturan Perikanan (Pindaan) 2024 membabitkan ikan baung

ekor merah yang berkuat kuasa pada 1 Julai lalu diharap mampu menyekat penuliran ikan spesies berkenaan disebabkan manusia.

"Pindaan berkenaan mewartakan larangan mana-mana pihak mengimport, menjual, memelihara, menyimpan atau memamerkan famili, genus atau spesies ikan terbabit.

"Jadual berkenaan turut membabitkan semua spesies ikan asing yang boleh mengancam ikan tempatan yang terdapat dalam sungai utama di negara ini.

"Saya harap Jabatan Perikanan Pahang dapat melakukan pemantauan secara berkala ke atas projek ternakan ikan sangkar bagi memastikan kegiatan ternakan ikan baung ekor merah tidak berlaku walaupun spesies berkenaan dikatakan mendapat permintaan menggunakan dari-pada pengguna," katanya.



Ikan baung ekor merah semakin bertambah di Sungai Pahang.

(Foto Mohd Rafi Mamat/B)

Arapaima gergasi akan dibedah siasat, diawet

SHAH ALAM - Proses bedah siasat tiga ekor ikan arapaima gergasi yang mati selepas ditangkap di Masjid Tanah, Melaka, Jumaat lalu akan dibuat dalam masa terdekat.

Difahamkan, spesies invasif seberat antara 80 hingga 200 kilogram (kg) dan sepanjang kira-kira 1.2 hingga 2.5 meter setiap seekor itu disahkan mati selepas dipindahkan ke Zoo Negara dipercayai akibat faktor usia.

Pengarah Perikanan Negeri Melaka, Saufi Affandi Talib berkata, kematian ikan asing itu telah di-

maklumkan oleh pihak Zoo Negara.

"Proses bedah siasat akan dilakukan minggu ini untuk ketahui punca sebenar kematian spesies berkenaan

"Selepas proses itu, jabatan akan melaksanakan proses taksidermi atau mengawet haiwan bagi tujuan pendidikan dan kesedaran kepada awam," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.



SAUFI AFFANDI

Sinar Harian pada Sabtu melaporkan lima anggota Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) cedera dilibas ikan arapaima gergasi ketika operasi tangkapan spesies invasif itu di tempat takungan air bawah bangunan terbiar di Masjid Tanah, Melaka, Jumaat lalu.

Kesemua anggota tersebut telah menerima rawatan di Hospital Alor Gajah.

'Hanya 2 spesies ikan tempatan, selebihnya ikan asing'

SEREMBAN - Hanya dua spesies ikan tempatan ditemui di Sungai Mambau, di sini selebihnya adalah ikan asing yang terdiri daripada ikan bandaraya dan tilapia hitam sepanjang dua hari misi memburu ikan asing yang berakhir pada Ahad.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, penemuan itu menunjukkan sungai berkenaan telah didominasi oleh ikan asing tersebut.

"Kita hanya dapat tangkap dua jenis ikan tempatan iaitu dua ekor ikan haruan dan seekor ikan keli kampung yang mana sebelum jalandakan (buru ikan asing) itu dijalankan kami mendapat aduan daripada penduduk setempat mengenai hasil tangkapan ikan tempatan kurang.

"Program ini telah berjaya menangkap sebanyak 1094.6 kilogram (kg) ikan asing iaitu 942kg ikan bandaraya dan 149.65kg ikan tilapia hitam," katanya kepada *Sinar Harian* selepas selesai Inventori Perikanan Darat dan Buru Ikan Asing bersama Jabatan Perikanan Negeri Sembilan di Sungai Mambau pada Ahad.

Tambah Kasim, pihaknya memandangkan serius ancaman spesies ikan asing kerana ia boleh memusnahkan habitat ikan asli di perairan sungai termasuk ikan baung ekor merah.

"Hasil pemantauan bersama dengan Komuniti Perikanan Darat dan Nelayan Darat hanya terdapat dua sungai yang ada ikan baung ekor merah iaitu di Sungai Triang, Jebeu dan Sungai Muar, Kampung Londah, Tampin," katanya.



Kasim (kanan) menunjukkan ikan asing yang berjaya ditangkap.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

PGA rampas 41,000kg kelapa cuba diseludup ke negara jiran

KOTA BHARU - Polis menggagalkan cubaan menyeludup 41,000 kilogram (kg) kelapa yang dianggarkan bernilai RM205,000 selepas menahan sebuah treler di Pengkalan Kubor di Tumpat pada Sabtu.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA), Senior Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, treler berkenaan ditahan dalam satu sekatan jalan raya pada 10.15 malam.

Anggota Batalion 9 (PGA9) turut menahan pemandu treler berusia 33 tahun.

Menurut beliau, kesemua kelapa itu ditemukan di bahagian belakang treler dan hasil pemeriksaan mendapati buah berkenaan tidak mempunyai dokumen yang sah dipercayai untuk diseludup.

"Suspek dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup kelapa itu ke negara jiran dan kesemua rampasan diserahkan ke Komtak Pengkalan Kubor untuk tindakan lanjut di bawah Peraturan 4(2)(b) Akta Fama 141 Rancangan Pemasaran Kelapa 1973," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Sementara itu, Nik Ros Azhan berkata, pasukannya turut merekodkan tiga kes rampasan bahan api iaitu dua kes di pangkalan haram Tualang, Tumpat dan Stor Surau Lama, Rantau Panjang pada hari yang sama.

Katanya, kesemua petrol itu ditemukan di dalam tangki tambahan pada dua kereta Proton Wira dan empat tong plastik di dalam stor yang keseluruhan berjumlah 820 liter.

"Keseluruhan nilai rampasan termasuk kereta, tangki tambahan dan minyak dianggarkan berjumlah RM25,681 dan diserahkan ke Komtak Pengkalan Kubor dan Balai Polis Rantau Panjang untuk tindakan lanjut," katanya. - *Bernama*

MARDI bakal perkenal benih padi tahan kemarau, tenggelam

Oleh FATHIN NORIZATI MAT ISA
norizati@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) giat membangunkan benih padi tahan kemarau dan tenggelam bagi membantu pesawah menghadapi cabaran perubahan iklim.


Projek itu dibiayai melalui dana pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dan diteruskan pada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Tiga varieti padi baharu iaitu MR380, MR381 dan MR382 kini di peringkat penilaian hasil lanjutan (LVT) dan kajian dijangka selesai pada 2025.

Selain itu, MARDI turut menumpukan perhatian kepada projek perintis dan komersialisasi varieti tersebut bakal dilaksanakan pada Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) iaitu pada 2026.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, varieti padi itu dibangunkan dengan toleran terhadap kemarau sederhana yang mampu bertahan kurang daripada 30 hari tanpa hujan dan masih menghasilkan padi sekitar empat tan per hektar.

Menurut beliau, varieti padi toleran kemarau ini penting kerana perubahan iklim yang menyebabkan kemarau berpanjangan boleh mengurangkan bekalan air semasa peringkat kritikal pertumbuhan padi.



BENIH padi baharu yang tahan kemarau dan tenggelam akibat banjir dijangka mampu membantu pesawah berdepan cabaran perubahan iklim.

"Dengan menggunakan varieti ini, pesawah dapat mengurangkan kos tambahan yang terpaksa dikeluarkan akibat kerosakan tanaman dan penurunan hasil semasa musim kemarau.

"Penggunaan varieti padi ini membolehkan mereka meneruskan aktiviti pertanian dengan lebih berkesan walaupun

dalam keadaan cuaca yang tidak menentu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Selain itu, Mohamad Zabawi berkata, pembangunan varieti padi yang toleran terhadap banjir pula masih dalam peringkat pembangunan dan dijangka lebih ditumpukan pada Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13).

Katanya, varieti padi ini akan dibangunkan dengan gen yang membolehkan padi bertahan dalam keadaan terendam air kurang daripada 14 hari.

"Varieti padi ini mempunyai keupayaan untuk hidup atau pulih semula selepas terdedah kepada banjir serta memberikan peluang lebih baik kepada

pesawah untuk menuai hasil meskipun kawasan mereka dilanda banjir.

"Oleh itu, penggunaan varieti padi yang toleran terhadap banjir akan membantu meminimumkan kerugian yang dihadapi pesawah dan mengurangkan risiko kehilangan pendapatan," jelasnya.

Pada 14 Ogos lalu, MARDI memperkenalkan dua varieti padi wangi spesialiti baharu berkualiti tinggi untuk meningkatkan hasil dan pendapatan pesawah di negara ini.

Dua padi wangi tempatan iaitu MRQ 107 dan MRQ 111 dilihat mampu menjana hasil tuaian melebihi lima metrik tan per hektar dengan pengurusan yang baik.

Malah, hasil penyelidikan sejak 2010 mendapati kedua-dua varieti ini mempunyai tahap kerintangan yang baik terhadap penyakit karah daun dan karah tangkai serta sesuai untuk dijadikan beras rebus yang mana ia sangat diperlukan oleh penguna yang mementingkan nilai pemakanan sihat.

MRQ 107 boleh dituai dalam tempoh 112 hingga 115 hari selepas tabur manakala MRQ 111 dapat dituai dalam tempoh 116 hingga 118 hari selepas tabur.

Kira-kira 5,915 hektar kawasan padi rosak di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) terutama di Kedah akibat ditenggelam banjir baru-baru ini.

Pendapatan pesawah dijangka merosot 20%

KANGAR: Kehidupan pesawah dikhuatiri terseka apabila pendapatan kumpulan itu dijangka merosot sehingga 20 peratus apabila harga belian padi oleh kilang-kilang sedang menurun kepada RM1,450 berbanding RM1,800 per tan metrik.

Tindakan kilang 'bermain' harga dengan menurunkan harga padi khususnya ketika musim menuai ini memberi kesan besar kepada pesawah di sebalik kos jentera dan input pertanian tidak turun sebaliknya terus meningkat termasuk benih padi.

Difahamkan, antara perkara yang membawa kepada penurunan harga belian padi tersebut adalah selepas pengumuman memperkenalkan peraturan melarang campuran beras putih tempatan dengan import yang sebelum ini didakwa menjadi amalan biasa

pengilang khususnya kilang-kilang besar yang mempunyai pemborong sendiri.

Pengilang terbabit selama ini didakwa berani membeli padi dengan harga lebih mahal kerana mereka mencampurkan beras berkenaan sekali gus dapat mengaut lebih dengan melabelkan beras dicampur itu sebagai beras import.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, harga belian padi secara tiba-tiba menurun sehingga RM350 per tan yang sekali gus cukup mengejutkan para pesawah yang baru bernafas dengan harga RM1,800 per tan sebelum ini.

Katanya, akibat penurunan tersebut, pesawah dijangka mengalami kemerosotan pendapatan sehingga RM1,700 per hektar dengan kos mengusahakan ben-

dang ketika ini cukup tinggi sekitar RM5,000 bagi keluasan sama.

"Harga belian padi turun namun dalam masa harga input pertanian dan kos jentera tidak pula turun. Yang terkesan adalah pesawah. Upah tuai sekira RM200 serelung, kos upah traktor pula tinggi RM130 bagi unit putaran pertama.

"Benih padi pula dengan harga sehingga RM58 satu beg dan kita memerlukan lapan beg sekurang-kurangnya bagi mengusahakan sawah bagi keluasan satu hektar ini.

"Kami berharap harga belian padi ini dapat dikekalkan semula RM1,800 dan jika tidak ia akan memberi kesan yang teruk kepada pesawah," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzuki Othman berkata, bagi mengatasi

masalah itu, kerajaan perlu memperkenalkan beras pada satu gred sahaja seterusnya menetapkan harga siling yang tidak membebaskan pengguna.

Selain itu katanya, harga beras juga perlu disemak semula memandangkan sudah 16 tahun tidak pernah disemak.

Ujarnya, harga beras pada satu gred berkenaan boleh ditetapkan antara RM35 atau RM36 bagi berat 10 sekilogram yang sekali gus tidak akan menjejaskan harga belian padi.

Kata beliau, kaedah memperkenalkan Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih import dilihat tidak relevan dan bagaimana mekanismenya untuk tahu beras import dan tempatan kerana ia sama sahaja.

"Adakah penguat kuasa akan diletakkan sepanjang masa di

kilang-kilang untuk memantau perkara berkenaan? Agak mustahil untuk memantau sepanjang masa.

"Selama ini, kebanyakan kilang besar yang mempunyai pemborong sendiri mencampurkan beras ini. Mereka berkecuali mungkin juga akan kembali menurunkan harga belian padi jika tidak boleh lagi mencampurkan beras tersebut.

"Untuk mengelakkan manipulasi beras tempatan yang dicampurkan dengan beras import oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, saya cadangkan supaya pihak kementerian adakan hanya satu gred beras putih dengan satu harga maksimum ditetapkan pada kadar tidak membebaskan pengguna dan juga mampu memberi pendapatan yang setimpal kepada petani," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	UTUSAN SARAWAK	ONLINE	

Pastikan pendaratan ikan di Tanjung Bako, bukan jeti persendirian – LKIM



Pengerusi LKIM Muhammad Faiz Fadzil (tengah) menyampaikan sumbangan bagi peralatan menangkap ikan. Foto Noor Ikmal

KUCHING: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan bekerjasama dengan kerajaan Sarawak bagi memastikan pengusaha bot dan nelayan Bahagian Kuching tidak lagi mendaratkan ikan di jeti persendirian.

Pengerusi LKIM Muhammad Faiz Fadzil berkata sebaliknya ia perlu dilakukan di Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako (PPLTB) yang berfungsi sebagai kompleks pendaratan ikan utama.

“Sebab itu, kita telah buat libat urus dengan pengusaha vesel dan kita bekerjasama dengan kerajaan Sarawak sebab bidang kuasa untuk menutup operasi ini adalah di bawah bidang kuasa negeri.

“Ini bukanlah bermaksud menutup terus operasi (jetty persendirian), kapal masih boleh berlabuh di situ tetapi pendaratan ikan perlu dibuat di Tanjung Bako, bukan di tempat mereka,” katanya kepada pemberita selepas program Rahmah Mesra MADANI bersama Persatuan Nelayan Sri Muara di sini hari ini.

Beliau berkata pendaratan perlu dilakukan supaya PPLTB tidak menjadi projek gajah putih yang mengakibatkan kerugian bagi pihak kerajaan.

Muhammad Faiz berkata kemodenan PPLTB menjadikan Sarawak berpotensi sebagai antara negeri peneraju industri perikanan.

“Kita memerlukan lebih sokongan daripada vesel besar di sekitar Kuching untuk memastikan pendaratan ikan berlaku secara aktif di PPLTB, selari dengan kemodenan kemudahan di situ.


“Kita berhasrat untuk melaksanakan beberapa pembaharuan. Sebenarnya, kita telah menetapkan syarat kapal yang mendaratkan ikan di Tanjung Bako (PPLTB) sahaja boleh beli minyak subsidi,” katanya.

Statistik LKIM bagi 2022 dan 2023 menunjukkan Perak mencatatkan jumlah pendaratan ikan tertinggi iaitu 450,494 tan, diikuti Sabah (247,037 tan) dan Pahang (189,913 tan) manakala Sarawak menduduki tangga keenam iaitu 83,901 tan.

Terdahulu, Muhammad Faiz menyampaikan beberapa bantuan yang keseluruhannya bernilai RM461,100 antaranya Elaun Sara Hidup Nelayan, Program Peningkatan Kapasiti Nelayan B40 dan Tabung Bantuan Pelajaran Anak-Anak Nelayan.— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

MADA sentiasa pantau paras air empangan



Paras air takungan Empangan Muda telah mencapai tahap 100 peratus penuh 100.59 meter pada 10.30 malam semalam dan meningkat ke paras 101.13 meter dengan kadar alir limpahan sebanyak 65.16 meter padu sesaat. - Gambar fail

ALOR SETAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sentiasa melaksanakan pemantauan dan akan memaklumkan kepada agensi berkaitan jika limpahan air di empangan mencapai paras bahaya

berikutan hujan lebat kebelakangan ini.

MADA dalam kenyataan hari ini memaklumkan perkara itu selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) Pelan Tindakan Kecemasan Keselamatan Empangan MADA bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini sekiranya air tadahan empangan menunjukkan peningkatan.

"Paras air takungan Empangan Muda telah mencapai tahap 100 peratus penuh 330 kaki (100.59 meter) pada 10.30 malam semalam dan meningkat ke paras 331.8 kaki (101.13 meter) dengan kadar alir limpahan sebanyak 2,301 kaki padu sesaat (65.16 meter padu sesaat).

"Limpahan ini mengalir melalui lembangan Sungai Muda dan tidak akan memasuki kawasan sawah. MADA telah memberi maklumat awal kepada pihak terlibat berhubung kedudukan semasa takungan Empangan Muda serta limpahan yang berlaku," menurut kenyataan itu.

MADA memaklumkan, hujan lebat sejak beberapa hari lepas meningkatkan paras takungan dan secara puratanya hujan di tadahan Empangan Pedu, Muda dan Ahning masing-masing sebanyak 67 milimeter (mm), 130 mm dan 47 mm.

"Setakat semalam, status keseluruhan kedudukan semasa takungan empangan di bawah seliaan MADA bagi ketiga-tiga empangan adalah 62.95 peratus.

"Kapasiti takungan Empangan Pedu adalah 50.77 peratus, Empangan Muda 97.34 peratus dan Empangan Ahning 91.46 peratus," menurut MADA.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	16



Pesawah tekad teruskan usaha menanam padi berikutan dihimpit beban hutang yang semakin bertambah. (Fotó hiasan)

7,000 pesawah di Kelantan mahu teruskan tanam padi

Kota Bharu: Lebih 7,000 pesawah di Kelantan mengambil keputusan meneruskan usaha menanam padi pada musim kedua akhir bulan ini, biarpun masalah air sehingga kini belum ada penyelesaian.

Mereka menyifatkan, keputusan itu terpaksa dibuat berikutan pesawah kini dihimpit bebanan hutang yang semakin bertambah sehingga ada yang mencecah sehingga ratusan ribu ringgit.

Bagaimanapun mereka mendakwa, sehingga kini Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) tidak dapat memberi jaminan untuk membekalkan air yang secukupnya kepada pesawah.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK), Zuha Ismail, berkata penanaman padi musim kedua tahun ini akan bermula 20 Oktober ini.

Katanya, sudah beberapa musim pesawah di Kelantan tidak menanam padi disebabkan masalah bekalan air yang tidak mencukupi menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian.

"Kali ini lebih 7,000 pesawah nekad untuk menanam padi biarpun masalah air masih menjadi tanda tanya. Ini kerana ramai di kalangan kami terbeban dengan hutang bank yang perlu

dibayar setiap kali musim padi.

"Kami terpaksa mengambil risiko biarpun pihak KADA memaklumkan tidak menjamin untuk membekalkan air yang cukup kepada pesawah.

"Malah, ramai di kalangan kami juga menggadai harta benda untuk dijadikan modal bagi menanam padi akhir bulan ini," katanya di sini, semalam.

Beliau turut mengharapkan pihak KADA dan kerajaan negeri menyelesaikan masalah bekalan air, selain mempercepatkan pembelian pam air supaya pesawah tidak berdepan kerugian.

"Untuk musim ini kita mengharapkan air hujan memandang sudah memasuki Oktober dan besar harapan kami pesawah tidak lagi berdepan kerugian," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan peruntukan RM20 juta yang diumumkan pada Mei lalu bagi pembelian pam air untuk kegunaan pesawah di Kelantan, sudah lama diluluskan.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan projek mengambil masa berikutan timbul beberapa masalah membabitkan proses kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk membina laluan tanah bagi membolehkan kegunaan pam baharu.

500 pesawah resah bendang dilimpahi air banjir

SABAK BERNAM – Lebih 500 pesawah di Parit 5 hingga Parit 9 Timur, Sungai Besar di sini, resah apabila tanaman padi mereka berisiko tinggi musnah selepas bendang ditenggelami banjir sejak kelmarin.

Keadaan itu berpunca daripada kerosakan tiga daripada empat pam air padi milik Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor yang tidak diselenggara dengan baik.

Seorang pesawah, Khairul Idham Mahyudin, 36, berkata, kawasan sawah miliknya seluas 72 hektar di Parit 7 Timur masih ditengangi air yang belum surut.

"Kini selepas memasuki hari ketiga, saya bimbang tanaman padi berisiko mati dalam tempoh sehari atau dua hari lagi.

"Lebih teruk apabila pam yang sepatutnya mengalirkan air ke parit pula tidak dapat digunakan dan sudah rosak," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, mereka bimbang sekiranya terpaksa mengeluarkan kos bagi penanaman semula padi yang rosak.

"Pokok padi yang ditanam baru berusia 10 hari dan jika rosak, kami perlu membelanjakan kos melebihi RM3,000," ujarnya.

Rakannya, Roslan Hassan, 56, pihak berkaitan wajar mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan isu pam air itu sekali gus mengelak bendang pesawah ditakuti air pada musim hujan.

"Kerja penyelenggaraan dan membaiki itu sepatutnya dilakukan sejak awal terutama dalam keadaan cuaca tidak menentu.

"Kami sebagai pesawah amat bergantung harap dengan padi sebagai sumber pendapatan dan mahu ia segera diselesaikan sebelum bertambah kritikal," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar, Datuk Rizam Ismail berkata, pihaknya turut meninjau isu yang dibangkitkan semua pesawah itu dan meminta IADA Barat Laut Selangor segera membaiki mesin berkenaan.

"Kita juga memohon Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan kerja pembersihan parit bagi mengelak aliran air tersekat yang mengakibatkan banjir," katanya yang juga merupakan Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Selangor itu.



PESAWAH menunjukkan keadaan sawah yang ditelenggami air di Parit 6 Timur, Sungai Besar, Sabak Bernam semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Polis rampas 41,000kg kelapa cuba diseludup ke negara jiran



Kesemua kelapa itu ditemukan di bahagian belakang treler dan hasil pemeriksaan mendapati buah berkenaan tidak mempunyai dokumen yang sah dipercayai untuk diseludup. - Foto: PGA

KOTA BHARU: Polis menumpaskan kegiatan penyeludupan sebanyak 41,000 kilogram (kg) kelapa yang dianggarkan bernilai RM205,000 selepas menahan

sebuah treler di Pengkalan Kubor di Tumpat semalam.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am SAC Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata treler itu ditahan dalam satu sekatan jalan raya pada 10.15 malam dan anggota Batalion 9 (PGA9) turut menahan pemandu treler berusia 33 tahun.

Beliau berkata kesemua kelapa itu ditemukan di bahagian belakang treler dan hasil pemeriksaan mendapati buah berkenaan tidak mempunyai dokumen yang sah dipercayai untuk diseludup.

"Suspek dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup kelapa itu ke negara jiran dan kesemua rampasan diserahkan ke Komtak Pengkalan Kubur untuk tindakan lanjut di bawah Peraturan 4(2)(b) Akta Fama 141 Rancangan Pemasaran Kelapa 1973," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, Nik Ros Azhan berkata pasukannya turut merekodkan tiga kes rampasan bahan api iaitu dua kes di pangkalan haram Tualang, Tumpat dan Stor Surau Lama, Rantau Panjang pada hari yang sama.

Beliau berkata kesemua petrol itu ditemukan di dalam tangki tambahan pada dua Proton Wira dan empat tong plastik di dalam stor yang keseluruhan berjumlah 820 liter.

"Keseluruhan nilai rampasan termasuk kereta, tangki tambahan dan minyak dianggarkan berjumlah RM25,681 dan diserahkan ke Komtak Pengkalan Kubor dan Balai Polis Rantau Panjang untuk tindakan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Simpan kelapa dalam stor haram sebelum seludup ke Thailand

Kota Bharu: Bekalan kelapa dibawa ke stor haram di tepi Sungai Golok menggunakan lori atau treler untuk transit sebelum ia diseludup ke Thailand menggunakan perahu secara berperingkat.

Bagaimanapun taktik licik itu dikesan pihak berkuasa selepas Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas 41,000 kilogram (kg) buah kelapa bernilai RM205,000 menerusi Op Taring Wawasan.

Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid, berkata rampasan itu dilakukan selepas pihaknya menahan sebuah treler yang dipandu seorang lelaki di sekatan jalan raya (SJR) Neting, Pengkalan Kubor, Tumpat jam 10.15 malam, Jumaat lalu.

Katanya, pemeriksaan terhadap lori terbabit menemui 41,000 kg buah kelapa tanpa dokumen yang sah, dipercayai hendak diseludup ke Thailand.

"Kes disiasat di bawah Peraturan 4(2)(b) Akta Fama 141 Rancangan Pemasaran Kelapa 1973 dan barang rampasan diserahkan kepada Komtak Pengkalan Kubor.

"Siasatan mendapati kebanyakan kegiatan penyeludup kelapa ini bergiat aktif di Pengkalan Kubor dan mereka menggunakan stor haram di kawasan Pulau Ular sehingga Nibong untuk menyimpan bekalan terbabit.

"Sebaik mereka mendapati keadaan selamat, mereka akan menghantar bekalan kelapa itu menggunakan perahu menyeberangi Sungai Golok secara berperingkat," katanya ketika dihubungi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	13

Sorok kelapa tepi Sungai Golok sebelum seludup ke Thailand

Kota Bharu: Bekalan kelapa diletakkan di stor haram di tepi Sungai Golok sebagai transit sebelum ia diseludup ke Thailand menggunakan perahu secara berperingkat.

Itu modus operandi yang digunakan penyeludup terbabit sindiket penyeludupan kelapa ke Thailand. Bagaimanapun, taktik licik itu dikesan pihak berkuasa selepas Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas 41,000 kilogram (kg) kelapa bernilai RM205,000 menerusi Operasi Taring Wawasan.


Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, ram-

pasan itu dilakukan selepas pihaknya menahan treler yang dipandu seorang lelaki di sekatan jalan raya (SJR) Neting, Pengkalan Kubor, Tumpat pada jam 10.15 malam, jumaat lalu.

Katanya, pemeriksaan terhadap lori terbabit menemukan 41,000kg kelapa tanpa dokumen yang sah dipercayai untuk diseludup ke Thailand.

"Kes disiasat mengikut Peraturan 4(2)(b) Akta Pemasaran 1973 dan barang rampasan diserahkan kepada Komtak Pengkalan Kubor.

"Siasatan mendapati kebanyakan kegiatan penye-



TRELER membawa 41,000kg kelapa yang ditahan dalam SJR Neting, Pengkalan Kubor, Tumpat. ludupan kelapa ini bergiat dan mereka menggunakan lau Ular sehingga Nibong aktif di Pengkalan Kubor stor haram di kawasan Pu untuk menyimpan bekalan

terbabit. "Sebaik mereka mendapati keadaan selamat, mereka akan menghantar bekalan kelapa itu menggunakan perahu menyeberangi Sungai Golok secara berperingkat," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, kelapa antara barangan yang biasa diseludup ke Thailand dan sepanjang tahun ini, beberapa siri rampasan dilakukan membabitkan lebih 200 tan bernilai lebih RM1 juta.

"PGA akan terus mempergiatkan usaha bagi mengkeang kegiatan penyeludupan dari terus berleluasa di sempadan negara," katanya.

Oleh Hamzah Osman
am@hmetro.com.my

Langkawi

Banci Pertanian 2024 yang berakhir Khamis minggu lalu mencatatkan penambahan 59,284 pegangan pertanian baharu dan menjadikan jumlah keseluruhan 1,256,593.

Lebih membanggakan hasil bancian bermula 7 Julai lalu selama 96 hari juga merekodkan capaian melebihi 100 peratus iaitu 105 peratus.

Ketua Perangkawan merangkap Pesuruhjaya Banci Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata, peringkat awal pelaksanaan banci terdapat 1,197,309 pegangan pertanian terdiri 1,177,566 atau 98.4 peratus isi rumah.

"Sebanyak 19,753 atau 1.6 lagi adalah pertubuhan perniagaan yang aktif."

"Setelah banci berakhir, didapati sebanyak 1,256,593 atau 105 peratus, selain menemui tambahan 59,284 pegangan pertanian baharu," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan ke Menamah Agrojaya Sdn Bhd di sini.

Mohd Uzir berkata, data terbabit juga diyakini mampu menghasilkan input yang diperlukan sama ada oleh penggubal dasar, pihak industri, penyidik dan ahli akademik mahupun petani.

"Walaupun tempoh



MOHD Uzir (kiri) mendengar penerangan berkaitan penghasilan susu kerbau untuk pembuatan keju di Menamah Agrojaya.

BANCI PERTANIAN 2024

Capai lebih 100 peratus!

pembancian lapangan secara bersemuka di seluruh negara telah berakhir namun mopping-up akan dilaksanakan dalam tempoh dua minggu bermula 11 sehingga 24 Oktober ini.

"Justeru, data yang diperoleh akan dikemaskini secara berkala dan berte-



MOHD Uzir (kanan) melihat proses pembuatan keju dari susu kerbau ketika mengadakan lawatan ke Menamah Agrojaya di Padang Gaong, Mukim Ulu Melaka.



MOHD Uzir (kanan) menunjukkan keju mozzarella dari susu kerbau yang sudah siap diproses.

rusan untuk merangka dasar yang lebih tepat dan berkesan bagi masa depan sektor pertanian negara," katanya.

Menjelang lanjut, beliau berkata, empat subsektor utama yang diberi fokus dalam Banci Pertanian kali ini membabitkan tanaman, ternakan, perikanan dan akuakultur serta perhutanan dan pembalakan.

"Seterusnya, pelaksanaan operasi Penilaian Liputan Banci Pertanian bagi menilai kualiti liputan dan kandungan Banci Pertanian 2024 pula akan bermula

pada 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025.

"Ini selaras dengan saranan daripada Persidangan Pertubuhan

Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) melalui World Programme for the Census of Agriculture (WCA)," katanya.

Menjelaskan mengenai keperluan melaksanakan Banci Pertanian tahun ini, Mohd Uzir berkata, pihaknya mendapati langkah itu pa-

tut dilakukan semula selepas kali terakhir dilakukan 19 tahun lalu.

Pada sidang media sama, beliau turut me-

maklumkan hasil bancian pertanian di Kedah mencapai 105.8 peratus dengan pertambahan 4,719 kes baharu berbanding 81,780 senarai asal isi rumah.

"Langkawi mencatatkan kadar yang tertinggi dengan 152.3 peratus, diikuti Kuala Muda (128.9 pera-


tus) dan Kulim (114.8 peratus).

Pada masa sama, beliau berkata, penghasilan statistik sektor pertanian akan diperketat dengan perantaraan ke hadapan menerusi tinjauan bulanan dan suku tahunan baharu.

"Semua data diperolehi ini akan dikemas kini secara berkala dan seterusnya menjadi sumber utama kerajaan dan agensi pertanian untuk merangka dasar lebih tepat dan berkesan bagi masa depan sektor pertanian negara," katanya.

"Data yang diperoleh akan dikemaskini secara berkala"
Mohd Uzir

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	KOSMO	K2	19



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2024	KOSMO	K2	20



RUPA kacang bulu selepas dituai dari pokoknya.



BUNGA akan tumbuh terlebih dahulu sebelum membentuk kacang bulu.



Rencana
Utama

Oleh
**FARID AHMAD
TARMIJI**

Jana pendapatan melalui tanaman kacang bulu

KETIKA hadir ke Pameran Pertanian Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor baru-baru ini, Nurul Aina Iskandar, 27, tertarik dengan satu gerai yang menjual kacang bulu atau dikenali sebagai kacang edamame.

Dia juga tidak melepaskan peluang untuk membeli kacang bulu, sebelum direbus bagi merasai keenakannya.

"Rasa kacang ini berlemak dan ia sedap dimakan begitu sahaja.

"Jarang saya jumpa peniaga menjual kacang bulu ini. Selalunya, ia hanya dijual di kedai makanan Jepun," katanya kepada K2.

Sementara itu, bagi memperkenalkan kacang bulu, pihak Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Daerah Besut, Terengganu telah membawa tanaman tersebut ke pameran MAHA 2024.

Pegawainya, Muhammad Zaimi Zakaria berkata, kacang bulu merupakan tumbuhan liar dan kurang dikenali di Malaysia, tetapi mengandungi sumber protein yang baik.

"Kami membawa satu tan kacang bulu untuk dijual dan diperkenalkan kepada pengunjung MAHA 2024.

"Kacang bulu yang dibawa ini ditanam oleh seorang petani di Kuala Terengganu iaitu Muhammad Fahmi Ismail," jelasnya.

Kacang bulu bukanlah tanaman yang sering diusahakan oleh usahawan tani di negara ini.

Namun, Muhammad Fahmi yang kini berusia 31 tahun mengambil langkah berani menanam tanaman tersebut, sekali gus menjadi sumber utama pendapatannya.

Mengulas tentang penanaman kacang bulu, Muhammad Fahmi menjelaskan dia terlibat dengan tanaman tersebut sejak 2010 lagi.

"Pada ketika itu, saya membantu ayah menanam kacang bulu secara kecil-kecilan. Namun, terpaksa berhenti sekejap kerana ayah sakit ketika itu.



MUHAMMAD FAHMI (kiri) menunjukkan kacang bulu yang dituai di ladangnya di Kuala Terengganu. - PUQTRA HAIRRY



MUHAMMAD FAHMI memantau tumbesaran kacang bulu di kebunnya.

INEO Kacang Bulu

- Turut dikenali sebagai kacang edamame
- Penanaman diusahakan oleh Muhammad Fahmi di Kuala Terengganu
- Harga pasaran sekitar RM13 hingga RM15 untuk satu kilogram

"Kemudian pada 2015, saya mula tanam sendiri di atas tanah berkeluasan 0.2 hektar. Pada 2017, saya mendapat Geran Agropreneur Muda sebanyak RM10,000 untuk menaik taraf kebun dari segi sistem siraman dan alatan pertanian," katanya.

Kini, dia mempunyai empat kebun yang menanam kacang bulu dengan keluasan keseluruhan 0.8 hektar.

Sebelum ini, di kampung Muhammad Fahmi di Wakaf Mempelam, Kuala

Terengganu, ada beberapa petani mengusahakan tanaman itu secara kecil-kecilan.

Daripada situ, Muhammad Fahmi mengambil inisiatif untuk belajar cara menanam tanaman tersebut daripada mereka.

Setelah mengetahui cara penanaman tanaman itu, dia terus mengusahakannya.

Ketika ini, Muhammad Fahmi berpuas hati kerana tanaman yang diusahakannya itu berjaya dan permintaan kacang bulu juga amat menggalakkan.

Dalam pada itu, Muhammad Fahmi menjelaskan, tempoh diperlukan untuk menuai hasil adalah sekitar 70 hari.

"Kacang bulu ini tidak mengambil masa terlalu lama untuk membesar.

"Dari kita mula tanam, ia hanya boleh dituai selepas 65 hingga 70 hari," terangnya.

Tanaman itu hanya memerlukan cuaca panas untuk membesar dengan baik dan penjagaan pokok kacang bulu tidaklah terlalu sukar.

"Kebiasaannya, tanaman ini akan berhadapan dengan serangan serangga pada fasa ia berbuah.

"Serangan yang biasa kita hadapi adalah serangga kesing dan tikus.

"Jika kita sedari ada serangan serangga, racun akan digunakan bagi mengurangkan kesan buruk terhadap tanaman," katanya.

Untuk penanaman kacang bulu di kebunnya, Muhammad Fahmi memilih untuk tidak menanam secara serentak pada satu-satu masa.

Sebaliknya, dia membahagikan kepada dua kali penanaman.

"Kini, saya dalam proses menuai kacang bulu untuk keluasan 0.4 hektar (1 ekar) tanah, manakala untuk 0.4 hektar lagi ia dalam proses penanaman semula.

"Bagi keluasan 0.4 hektar tanah, hasil kacang bulu yang kita boleh tuai adalah sekitar 2.5 tan ataupun bersamaan dengan 2,500 kilogram (kg).

"Lima pokok diperlukan untuk kita mendapat 1kg kacang bulu," ujarinya.

Harga pasaran kacang bulu adalah sekitar RM13 hingga RM15 untuk sekilogram.



SEHINGGA kini, Muhammad Fahmi mengusahakan sekitar 0.8 hektar tanaman kacang bulu.

Selalunya, bagi keluasan 0.4 hektar tanah, hasil kacang bulu yang kita boleh tuai adalah sekitar 2.5 tan ataupun bersamaan dengan 2,500 kilogram."

Menurut Muhammad Fahmi, pasaran kacang bulu di Terengganu amat baik dan pengeluarannya tidak mampu menampung jumlah permintaan.

Dalam pada itu, Muhammad Fahmi menjelaskan, cabaran utama yang dihadapinya untuk mengusahakan tanaman itu adalah kesukaran mendapatkan benih kacang bulu.

Katanya, masalah benih merupakan salah satu faktor yang menyebabkan ramai tidak mahu mengusahakan tanaman kacang bulu.

"Benih kacang bulu yang diimport selalunya tidak menjadi apabila ditanam di negara ini.

"Berdasarkan pengalaman saya, 50 peratus benih yang diimport sukar untuk hidup.

"Harga pasaran untuk benih kacang bulu ini juga agak mahal, di mana boleh mencecah RM120 hingga RM150 untuk sekilogram.

"Untuk tanaman berukuran 0.4 hektar, saya memerlukan 30kg benih kacang bulu," jelasnya.

Oleh itu, dia mengambil inisiatif menghasilkan benih sendiri untuk tanaman yang diusahakannya.

Malah, dia turut menjual benih kacang bulu yang dihasilkan pada harga RM18 untuk setiap 100 gram.

Sementara itu, Muhammad Fahmi memaklumkan, sepanjang terlibat dengan penanaman kacang bulu, ramai yang datang untuk belajar dengannya mengenai tanaman tersebut.

"Ada yang datang dari luar Terengganu semata-mata untuk belajar cara penanaman kacang bulu ini.

"Saya sentiasa menerima kehadiran pelawat dan sedia berkongsi ilmu dengan mereka yang mempunyai niat untuk belajar tanam kacang bulu," katanya sebelum menutup bicara.



CABARAN terbesar tanaman kacang bulu adalah untuk memastikan anak benih membesar dengan baik.

Kacang bulu sumber protein lengkap, 9 asid amino



KACANG mampu membantu sistem pencernaan kerana memiliki sumber serat yang baik.

KACANG bulu atau edamame bukan sekadar makanan sampingan biasa, malah ia turut mempunyai manfaat kesihatan yang cukup besar.

Berdasarkan laporan daripada portal *real simple*, Pakar Diet, Emma Newell berkata, antara khasiat yang ada pada kacang bulu adalah kemampuan menyokong pertumbuhan otot.

Menurutnya, kacang bulu adalah sumber protein yang lengkap.

"Ia mengandungi kesemua sembilan asid amino penting yang bagus. Sukar untuk mencari makanan berasaskan tumbuhan yang mempunyai sumber protein lengkap.

"Setiap secawan kacang bulu mengandungi kira-kira 18 gram protein," katanya.

Selain itu, kacang bulu membantu pencernaan kerana ia merupakan sumber serat yang baik.

"Serat membantu penghadaman dan

membentuk usus sihat. Ia juga boleh membantu mengelakkan kembung perut dan ketidakelesaan," jelas Newell.

Selain itu, kacang bulu juga dapat meningkatkan tahap kesihatan kerana mengandungi asid lemak omega-6 dan omega-3.

Asid omega-3 juga diketahui dapat membantu menghalang pembentukan bekuan darah.

Manfaat lain yang ada pada kacang bulu adalah mengurangkan kolesterol.

Berdasarkan kajian FDA (Food and Drug Administration), mereka yang mengambil secara purata 25 gram protein kacang bulu setiap hari, kolesterol lipoprotein berketumpatan rendah didakwa dapat berkurang sehingga empat peratus.

Ini kerana, kacang bulu kaya dengan protein dan serat berasaskan tumbuhan yang membantu menurunkan kolesterol dalam aliran darah.